

## BAB LIMA PENULISAN ANGKA DAN LAMBANG BILANGAN

Angka terbahagi kepada dua kategori, iaitu angka Hindi dan angka Arab. Kedua-dua angka ini ditulis dari kiri ke kanan dan bentuknya seperti yang berikut:

Angka Hindi : ०, १, २, ३, ४, ५, ६, ७, ८, ९

Angka Arab: 0, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9

Dalam sistem ejaan Jawi, angka yang digunakan pada umumnya ialah angka Arab (1, 2, 3, 4...). Namun demikian, angka lain juga boleh digunakan untuk tujuan pembutiran dalam bentuk senarai. Contohnya:

Abjad Rumi (a, b, c, d...)	Abjad Jawi (ا, ب, ت, ث, ...)	Angka Roman (i, ii, iii, iv...)
-------------------------------	---------------------------------	------------------------------------

### 5.1 Tarikh

- (i) Ditulis angka sahaja

Tarikh ditulis dari kiri ke kanan. Hari di sebelah kiri, bulan di tengah dan tahun di sebelah kanan. Di antara tiap-tiap satu yang tersebut, diletakkan garis miring (/) atau noktah (.). Contohnya:

11/8/2014

انق ساي لاهير قد 11.8.2016 اتاو 11/8/2016  
باتو برسورت ترغكانو برتاريخ 702 هـ برسامان 1303 م

## PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU

Untuk menunjukkan tempoh waktu, tanda sempang (-) hendaklah diletakkan antara tarikh awal dengan tarikh akhir, seperti contoh yang berikut:

11-17/8/2016

11-17.8.2016

- (ii) Ditulis angka berserta nama bulan

Tarikh hari atau tempoh waktu ditulis di sebelah kanan, diikuti dengan nama bulan di tengah dan tahun di sebelah kiri, seperti contoh yang berikut:

2016 اوگوس 11

2016 اوگوس 9-11

2016 اوگوس 11 هيڠك 9

1436 محرم 11 هيڠك 9

### 5.2 Mata Wang

- (i) Mata wang sesebuah negara adalah nama khas. Oleh itu, penulisannya hendaklah mengekalkan kod dan simbol mata wang masing-masing seperti contoh yang berikut:

MYR100/RM100.00	USD100/\$100.00
SGD100/\$100.00	EUR100/€100.00
GBP100/£100.00	THB100/฿100.00
IDR100/Rp100.00	KRW/₩100.00
AUD100/\$100.00	SAR100/SR100.00

Sekiranya nama mata wang itu disebut secara berasingan, maka boleh dieja dalam tulisan Jawi seperti contoh yang berikut:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بهت تهاي	Baht Thai
دولر اميریکا	Dolar Amerika

## PENULISAN ANGKA DAN LAMBANG BILANGAN

<b>Ejaan Jawi</b>	<b>Padanan Rumi</b>
دولر سيغافورا	Dolar Singapura
يورو	Euro
قائدونڊ گريت بریتن	Pound Great Britain
ريڠگيت مليسيا	Ringgit Malaysia
ريال سعودي	Riyal Saudi
روڤياھ ايندونيسيا	Rupiah Indonesia
وون كوريا	Won Korea

### Angka Berakhiran (-an)

- (i) Penulisan angka berakhiran *-an* hendaklah mengikut kaedah seperti contoh yang berikut:

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Padanan Jawi</b>
tahun 60-an	تاهون 60-ن
tahun 70-an	تاهون 70-ن
tahun 90-an	تاهون 90-ن
tahun 2000-an	تاهون 2000-ان

### 5.3 Sistem Nombor

- (i) Nombor yang didahului oleh sendi nama *ke*, penulisannya hendaklah menggunakan tanda sempang (-). Nombor satu hingga sebelas tidak harus ditulis dengan angka, sebaliknya hendaklah dieja. Hanya nombor 12 ke atas sahaja yang perlu ditulis dengan angka. Contohnya:

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Padanan Jawi</b>
kesebelas	كسبلس
ke-12	12-ك
ke-125	125-ك
ke-2000	2000-ك

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU

- (ii) Nombor yang didahului oleh sendi nama *di* tidak perlu ditulis dengan menggunakan tanda sempang (-) dan ditulis rapat dengan angka. Contohnya:

**Ejaan Rumi**

di 12 buah negara

di 125 buah daerah

di 2000 buah masjid

**Padanan Jawi**

د12 بواه نڠارا

د125 بواه داءيره

د2000 بواه مسجد